

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[ PORT DICKSON ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berikutan berleluasanya kes-kes kemalangan jalan raya akibat pemandu mabuk :-

(a) apakah statistik terkini kes yang melibatkan kemalangan pemandu mabuk dan kematian akibatnya; dan

(b) apakah Kerajaan akan mengemukakan rang undang-undang baru atau meminda rang undang-undang sedia ada bagi menangani masalah pemandu mabuk.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, isu kemalangan maut yang disebabkan oleh pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol adalah merupakan satu perkara yang amat dipandang serius oleh Kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan. Perkara ini jika tidak dibendung dengan serius, akan membawa kesan yang amat negatif kepada orang ramai dan pengguna jalan raya lain yang tidak bersalah.

2. Dalam usaha menangani isu ini serta aspek keselamatan jalan raya secara amnya, pendekatan dan strategi yang holistik adalah diperlukan bagi memastikan usaha ini berjaya dan mencapai objektifnya. Dalam hal ini, skop tanggungjawab Kementerian Pengangkutan adalah tertumpu kepada aktiviti advokasi, program pendidikan, penetapan peraturan dan penguatkuasaan.

3. Jesteru itu, sebagai salah satu strategi utama dalam usaha mencegah dan menjadi *deterrence* kepada orang ramai daripada memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah, Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] akan dipinda bagi meningkatkan hukuman-hukuman berkaitan kesalahan memandu dengan tidak mematuhi peraturan jalan raya termasuk memandu dalam keadaan mabuk. Bacaan pertama Rang Undang-Undang ini telah pun dilaksanakan pada sesi parlimen pada 27 Julai 2020 yang lalu. Bacaan kali kedua dan ketiga turut dijadualkan dalam sesi parlimen kali ini.

4. Mengikut maklumat daripada pihak Kementerian Dalam Negeri, jumlah kemalangan jalan raya melibatkan pemanduan di bawah pengaruh alkohol dalam badan (mabuk) adalah seperti jadual di bawah :

TAHUN	JENIS KEMALANGAN								JUMLAH KEMALANGAN	
	MAUT		PARAH		RINGAN		ROSAK		S44A PJ	S45APJ
	S44A PJ	S45A PJ	S44A PJ	S45A PJ	S44A PJ	S45A PJ	S44A PJ	S45A PJ		
2015	3	0	7	1	8	2	10	125	28	128
2016	5	0	6	0	2	1	6	141	19	142
2017	7	0	6	0	6	1	7	135	26	136
2018	11	0	6	0	3	0	6	98	26	98
2019	9	0	3	2	5	3	7	110	24	115
2020 (JAN-JUN)	12	0	6	1	4	2	13	147	35	150
<b>JUMLAH</b>	<b>47</b>	<b>0</b>	<b>34</b>	<b>4</b>	<b>28</b>	<b>9</b>	<b>49</b>	<b>756</b>	<b>158</b>	<b>769</b>

5. Secara spesifik, pindaan seksyen 41 hingga seksyen 45 merupakan komitmen kerajaan untuk memastikan tindakan tegas bagi kesalahan pemanduan di bawah pengaruh alkohol, dadah atau memandu secara melulu, termasuk merempit.

6. Kementerian Pengangkutan telah melaksanakan soal selidik atas talian mengenai perkara ini mulai 21 Mei 2020 sehingga 4 Jun 2020 yang lepas. Berdasarkan kepada dapatan responden seramai 345 ribu orang.

7. Hampir 97% responden memberikan maklum balas yang positif dan bersetuju bahawa kuantum hukuman sedia ada tidak memadai. Sebagai contoh, seramai 324,489 iaitu 94% responden bersetuju agar kadar hukuman penjara, denda dan tempoh hilang kelayakan lesen memandu ditingkatkan ke atas pemandu yang disabitkan kesalahan dalam keadaan pemanduan mabuk.

8. Selain daripada pindaan ke atas hukuman sedia ada, saya juga telah mengarahkan Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi utama termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan MIROS untuk menggiatkan lagi aktiviti advokasi dan program pendidikan keselamatan jalan raya. Dalam pelaksanaan program-program sebegini, saya menyeru semua pihak yang berkepentingan termasuk NGO, pengusaha premis minuman/makanan, pengendali perkhidmatan pengangkutan awam dan lain-lain untuk bekerjasama dengan Kementerian bagi menjayakan usaha ini ke arah menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat Malaysia. Saya percaya pelbagai program, kemudahan dan inisiatif boleh diadakan dengan jayanya dengan sokongan dan penglibatan semua pihak.

9. Kementerian Pengangkutan berharap agar Rang Undang-Undang Pindaan yang akan dibentangkan di dalam dewan ini akan mendapat sokongan daripada semua ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.